



فجابت فغارہ تانہ دان كالين

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
BANGUNAN SRI PERAK DARUL RIDZUAN,
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN.

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami:

Tarikh:

Bil. (22) dlm. PTG.Pk.
313 (A)
08 Oktober, 2021



Majlis Peguam
Bar Council Malaysia
Wisma Badan Peguam Malaysia,
No. 2, Leboh Pasar Besar,
50050 KUALA LUMPUR



Tuan,

PERMOHONAN PENGECUALIAN DARIPADA DENDA, LANJUTAN MASA, KEUTAMAAN JANJI TEMU DAN PERKARA LAIN BERKAITAN DENGAN URUSAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)/ PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkaa di atas dan surat tuan bil. BC/PA/CPC/112/2021 bertarikh 16 Julai 2021 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pentadbiran ini telah mengambil maklum dan meneliti cadangan daripada pihak tuan. Untuk makluman pihak tuan juga, bahagian Hakmilik Pendaftaran kini beroperasi dengan kapasiti penuh dan memproses lebih kurang 300 persewaan sehari pada hari bekerja dan 150 sehari pada hari Sabtu.

3. Pentadbiran ini juga mengambil maklum akan kekangan untuk menjalankan urusan urusniaga dan bukan urusniaga di Pentadbiran Tanah Negeri Perak sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Sehubungan itu pentadbiran ini telah melancarkan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Perak Sejahtera Fasa 2 Tahun 2021 bermula 1 September sehingga 31 Disember 2021 seperti berikut:

- 3.1 Perlanjutan pengecualian denda lewat cukai tanah semasa bagi semua hakmilik sehingga 31 Disember 2021.**
- 3.2 Pemberian diskaun untuk bayaran tunggakan cukai tanah sekaligus sehingga 31 Disember 2021.**
 - 3.2.1 50% diskaun tunggakan cukai tanah yang membuat bayaran sekaligus pada bulan September 2021;**
 - 3.2.2 30% diskaun tunggakan cukai tanah yang membuat bayaran sekaligus pada bulan Oktober 2021;**
 - 3.2.3 10% diskaun tunggakan cukai tanah yang membuat bayaran sekaligus pada bulan November dan Disember 2021.**
- 3.3 Perlanjutan pemberian 20% diskaun cukai petak (strata) bagi kategori perniagaan sahaja.**

.../2-

Telefon: Pejabat Am - 05-209 5000

Faks:

TPTG (Pengurusan) - 05-255 7102

KPPTG (Pembangunan) - 05-241 3615

PPTG (Penguatkuasaan) - 05-254 6520

TPTG (Pendaftaran) - 05-255 5442

KPPTG (Hakmilik) - 05-253 4615



CE



20211021-007

website : <http://ptg.perak.gov.my>

- 3.4 **Perlanjutan 10% diskaun premium tanah bagi 5A dan 7G tertakluk pada terma dan syarat.**
- 3.5 **Pengecualian denda lewat bagi peserahan urusan niaga dan kutipan hakmilik.**
- 3.6 **Perlanjutan tempoh kelulusan surat kebenaran pindahmilik/gadaian, notis 5A dan 7G secara automatic dan pengecualian fi permohonan.**

4. Untuk makluman tuan, pentadbiran ini sentiasa bekerjasama dengan Jawatankuasa Peguam Perak. Hasil mesyuarat pentadbiran ini bersama wakil Jawatankuasa Peguam Perak dan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) telah mengenal pasti kaedah yang sesuai untuk memproses peserahan dan kaedah ini mula digunakan bermula 16 Ogos 2021 di mana semua permohonan peserahan daripada firma guaman dan pemaju adalah melalui Jawatankuasa Peguam Perak. PTG akan memproses peserahan harian melalui senarai yang diberi oleh Jawatankuasa Peguam Perak.

5. Untuk makluman tuan juga, pentadbiran ini baru sahaja melancarkan permohonan Kebenaran Menteri Besar bagi pindahmilik tanah secara *online* (e2e) melalui eTanah pada 17 September 2021. Pentadbiran ini juga dalam perancangan untuk melaksanakan urusan permohonan carian rasmi dan salinan hakmilik secara e2e. Bagi urusan-urusan lain secara e2e, tertakluk kepada kelulusan perundangan yang berkaitan yang masih dalam semakan Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Persekutuan (JKPTG).

Sekian, terima kasih.

" WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 "

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,


(NUR AZLINA BINTI OTHMAN, AMP.)

b.p. Pengarah Tanah dan Galian,
Perak Darul Ridzuan.

- s.k.
1. Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Aras 4, Podium 1, Wisma Sumber Asli,
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4,
62574 SELANGOR
 2. Perak Bar Comitee
No. 41, Jalan Dato' Maharajalela,
PO BOX 109
30710 IPOH

" SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN "